

19 AUG 2000

Mahathir-SAID/I

DR MAHATHIR TIBA DI MOZAMBIQUE BAGI HADIRI SAID 2000

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (MOZAMBIQUE), 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2000 (SAID 2000).

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Maputo oleh Menteri Pelancongan Mozambique Dr Fernando Sumbana.

Yang turut menyambut beliau ialah Menteri Industri dan Perdagangan Carlos Morgato dan Naib Menteri Luar Hipolito Patricio.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan Datuk Zainal Azman Zainal Abidin, yang juga ditauliahkan ke Mozambique, kakitangan Suruhanjaya dan pegawai SAID 200 juga hadir.

Esok, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan yang diadakan oleh Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano sebelum menghadiri majlis perasmian SAID 2000 pada Isnin.

Pada majlis jamuan maklam pada isnin yang diadakan sempena SAID 2000, Dr Mahathir akan berucap mengenai "Smart Partnership for New Economy."

Beliau juga akan menghadiri pelbagai sesi bertemakan "Smart Partnership 2000

- Global Trends in Emerging Economies."

Dr Mahathir akan berlepas ke London pada pagi Selasa untuk menghadiri Sidang Kemuncak Mini Suruhanjaya Penyelatas Selatan yang bermula pada 23 Ogos.

SAID 2000, yang berakhir pada 22 Ogos dianjurkan dan diuruskan sevara usahasama bestari antara kerajaan Mozambique dan Commonwealth Partnership for Technology Management.

-- BERNAMA

MAD FAZ